

1Murid 1Sukan



**BUKU PANDUAN
PELAKSANAAN DASAR
SATU MURID SATU SUKAN
(IM IS)**



BAHAGIAN SUKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1Murid 1Sukan

**BUKU PANDUAN
PELAKSANAAN DASAR
SATU MURID SATU SUKAN
(IM IS)**



BAHAGIAN SUKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

© Cetakan Pertama 2011
Bahagian Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mencetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara juga sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan

ISBN 978-983-3444-32-8

1. Sports administration -- Handbooks, manuals, etc. 2. School sports -- Handbooks, manuals, etc. 3. Athletics -- Handbooks, manuals, etc.
- I. Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia. Bahagian Sukan

796.06

Diterbitkan oleh:

Bahagian Sukan
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1 dan 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya

Tel : 03-8884 1002 Faks : 03-8884 1034
<http://www.moe.gov.my/bsukan>

KANDUNGAN

MUKA SURAT

**KATA ALU-ALUAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN SUKAN

1.0	Pengenalan	1
2.0	Rasional	2
3.0	Matlamat	2
4.0	Konsep	3
5.0	Prinsip Pelaksanaan	3
6.0	Objektif	4
7.0	Tafsiran Operasional	4
8.0	Pelaksanaan Dasar 1M 1S Melalui Program Sukan di Sekolah	5
8.1	Pengurusan Pelaksanaan	6
8.1.1	Perancangan	6
8.1.2	Pelaksanaan	6
8.1.3	Pemantauan	7
8.1.4	Penilaian	7
8.1.5	<i>POST MORTEM</i> / Penambahbaikan	7
8.1.6	Laporan / Dokumentasi	7
8.2	Strategi Pelaksanaan	8
9.0	Huraian Carta Cadangan Tanggungjawab bagi Pihak Pengurusan / Guru dalam Pelaksanaan Sukan di Sekolah	9
10.0	KeSELAMATAN dalam menjalankan aktiviti sukan di sekolah	12
10.1	Objektif	12
10.2	Peranan dan Tanggungjawab GPK Kokurikulum	12
10.3	Peranan dan Tanggungjawab Guru Penasihat Sukan	13
10.4	Peranan dan Tanggungjawab Murid semasa kegiatan sukan	14
11.0	Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan	14
LAMPIRAN		
LAMPIRAN 1:	SURAT PEKELILING IKHTISAS (SPI) DAN SURAT SIARAN BERKAITAN SUKAN DAN KOKURIKULUM, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	16
LAMPIRAN 2:	CADANGAN JENIS-JENIS SUKAN DAN PERMAINAN	17
LAMPIRAN 3:	CONTOH-CONTOH JADUAL PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN TAHUN 2011	18
LAMPIRAN 4:	RANGKA KONSEPTUAL PELAKSANAAN SUKAN DAN PERLUASAN DASAR 1M 1S KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	24
PENGHARGAAN		27



KATA ALU-ALUAN



TIMBALAN PERDANA MENTERI merangkap MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.*

Kemajuan dalam bidang sukan menjadi semakin penting pada masa kini kerana ia mampu mewujudkan perpaduan sejagat, memupuk keamanan serta meningkatkan imej sesebuah negara. Bidang sukan juga merupakan antara landasan terbaik dalam usaha membangunkan modal insan yang cergas, kreatif, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang kukuh demi memastikan kelangsungan keutuhan sesebuah negara. Bagi memastikan matlamat tersebut dapat direalisasikan, bidang sukan perlu menyediakan peluang penyertaan dan penglibatan yang seluas-luasnya kepada golongan muda yang merupakan pewaris kepimpinan negara di masa hadapan.

Kementerian Pelajaran sebagai organisasi yang terlibat secara langsung dalam pembangunan modal insan negara sentiasa komited dalam melakukan usaha berterusan bagi memupuk minat dan kecenderungan murid dalam bidang sukan. Justeru, usaha bagi menyemarakkan kembali kegiatan sukan di sekolah telah pun dimulakan melalui pelaksanaan dan pengukuhan Dasar Satu Murid Satu Sukan. Lanya bertujuan untuk memastikan penglibatan setiap murid dalam aktiviti sukan di sekolah, menerapkan nilai-nilai sukan di kalangan seluruh warga sekolah, serta mengembalikan sekolah sebagai institusi utama untuk melahirkan bakat-bakat sukan dari peringkat akar umbi. Lanya juga diharapkan dapat mewujudkan budaya persaingan yang sihat di kalangan murid-murid dan sekali gus membentuk satu persekitaran sosial yang kondusif untuk perkembangan mereka. Usaha sebegini tentunya memerlukan kerjasama padu semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan bidang pendidikan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan, Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah dan Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah. Semoga buku dan modul ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi membantu mencapai matlamat menyemarakkan kegiatan sukan di sekolah.

"MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA"

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN MOHD YASSIN



KATA ALU-ALUAN



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Bahagian Sukan atas kejayaan penerbitan Buku Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan, Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah dan Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah.

Aktiviti sukan telah menjadi semakin penting dan wajib dilaksanakan secara lebih giat di semua sekolah seluruh negara. Pihak yang terlibat dalam pengurusan sukan seharusnya berupaya merancang, mengurus dan melaksanakan kegiatan sukan secara sistematik, cekap dan berkesan.

Dalam menghadapi alaf baharu yang serba mencabar ini, kita harus sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab untuk melahirkan modal insan, iaitu murid yang seimbang dan harmonis secara menyeluruh dan bersepadu. Generasi akan datang seharusnya mampu menyahut cabaran dan memastikan kesejahteraan negara berkekalan dan seterusnya dapat meningkatkan kemajuan negara. Generasi ini merupakan penentu kegemilangan negara kelak. Oleh itu, peranan dan penglibatan murid dalam aktiviti sukan amat penting. Program sukan tersebut membolehkan murid memperoleh, menyebarkan dan menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran sepanjang hayat.

Semoga buku ini dapat dijadikan panduan terbaik ke arah pengurusan sukan yang berkualiti dan seterusnya mampu melahirkan generasi yang mantap dari segi fizikal, di samping mempunyai disiplin yang tinggi, bersikap positif dan mempunyai jati diri. Selain itu, diharap buku ini akan diguna pakai dan dibuat penambahbaikan selaras dengan perubahan semasa untuk dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

DATU' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD



KATA ALU-ALUAN



PENGAH BAHAGIAN SUKAN

Salam sejahtera.
SATU MURID SATU SUKAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas kejayaan dalam menghasilkan Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan, Garis Panduan Pengurusan Kejohanan Balapan dan Padang (Olahraga) di Sekolah dan Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah. Penghasilan buku ini menepati usaha transformasi pendidikan negara yang berhasrat untuk meningkatkan penyertaan murid dalam bidang sukan. Kemunculan buku panduan ini adalah antara langkah awal bahagian ini demi merealisasikan cetusan idea Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia. Usaha mengoptimumkan kecergasan murid melalui pembudayaan sukan di sekolah bertujuan untuk melahirkan generasi yang sihat, cergas dan berdaya saing tinggi.

Penerbitan buku panduan ini diharapkan dapat membantu banyak pihak dalam melaksanakan program Satu Murid Satu Sukan (1M 1S). Pelaksanaan program ini sudah pasti akan menyentuh pelbagai aspek seperti penyertaan murid-murid, penyediaan prasarana serta perancangan program dalam pelbagai peringkat. Justeru, buku panduan ini dapat dijadikan rujukan untuk menyelaraskan pelaksanaan program 1M 1S.

Pengemblengan pengurusan semua pihak dalam organisasi masing-masing yang diilhamkan melalui buku ini diharapkan dapat membantu untuk menjayakan misi dan visi program 1M 1S demi mengembalikan kegemilangan sukan sekolah seperti yang dihasratkan oleh semua pihak. Buku ini diharap dapat menjadi panduan kepada sekolah untuk melaksanakan dasar 1M 1S dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

PN. EE HONG



I.O PENGENALAN

Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S) mewajibkan setiap murid menyertai sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan di sekolah. Dasar ini menyokong pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi tumpuan ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Dasar ini selaras dengan Dasar Sukan Negara yang memberi penekanan kepada Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan. Dasar ini memberi perhatian yang utama kepada murid yang kurang aktif supaya mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Pada masa yang sama, bakat murid yang berpotensi akan digilap dan dibangunkan melalui Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS).

Bidang sukan sangat penting dalam mengoptimumkan keupayaan fizikal murid selaras dengan ungkapan “Minda Yang Cerdas Terletak Pada Tubuh Yang Sihat”. Dalam konteks ini, bidang sukan memainkan peranan yang penting bagi melahirkan modal insan yang sihat, cergas dan produktif agar dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan sosial serta pembangunan ekonomi negara. Justeru, pelbagai aktiviti sukan diperkenalkan bagi menarik minat murid-murid agar mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan Dasar 1M 1S agar setiap murid menikmati manfaat bersukan dengan harapan dapat membentuk generasi yang membudayakan sukan seiring dengan keperluan akademik.



2.0 RASIONAL

Dasar 1M 1S mendokong Dasar Sukan Untuk Semua, di mana dasar ini menitikberatkan penglibatan semua murid dalam pelbagai aktiviti dan peringkat sukan. Dasar ini dibentuk atas rasional segala kegiatan sukan adalah sebahagian daripada transformasi pendidikan yang diusahakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sukan seharusnya mendapat pengiktirafan, sokongan dan galakan yang sama sebagaimana juga yang diberikan kepada aspek-aspek yang lain seperti mata pelajaran akademik dan kegiatan kokurikulum supaya dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi kesejahteraan minda dan jasmani.

Dasar ini juga menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, semangat muhibah, kesefahaman, toleransi dan meningkatkan nilai moral dan fizikal yang memberi satu landasan yang betul dalam mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatu padu serta memupuk semangat cintakan negara.

Dasar 1M 1S dapat memberi peluang secara menyeluruh kepada semua murid melibatkan diri dalam sukan secara lebih terurus dan terancang serta mengimbangkan fokus atau penekanan dalam melahirkan modal insan secara holistik ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang berdaya saing tinggi.

3.0 MATLAMAT

Dalam jangka masa panjang, dasar ini berhasrat membangunkan modal insan melalui penyertaan yang menyeluruh dari kalangan murid dalam kegiatan sukan sepanjang tahun serta memupuk budaya bersukan di kalangan murid sekolah agar menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat, cergas dan berdaya saing tinggi.



4.0 KONSEP

Dasar 1M 1S adalah program pembangunan sukan di sekolah yang mewajibkan setiap murid dari Tahap 2 di sekolah rendah hingga Tingkatan 6 di sekolah menengah mengikut sekurang-kurangnya satu aktiviti sukan yang dikendalikan secara terancang dan sistematik. Dasar 1M 1S adalah berteraskan kepada prinsip-prinsip asas perkembangan fizikal murid-murid. Justeru itu, Dasar 1M 1S adalah diwujudkan untuk merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan agar;

- 4.1 Memberi akses kepada semua murid untuk mendapatkan faedah dari penglibatan dalam sukan khususnya kepada murid yang kurang atau tidak aktif;
- 4.2 Membangunkan sukan sekolah ke arah meningkatkan kadar penyertaan murid dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan di sekolah;
- 4.3 Memberi peluang kepada semua murid yang berbakat dan berpotensi untuk digilap ke tahap yang lebih tinggi;



5.0 PRINSIP PELAKSANAAN

Pelaksanaan Dasar 1M 1S hendaklah mengambil kira prinsip pelaksanaan berikut:

- 5.1 Setiap murid termasuk murid berkeperluan khas yang tidak mengalami masalah kesihatan hendaklah wajib mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya satu jenis sukan. Dasar 1M 1S adalah diwajibkan untuk murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di sekolah rendah serta Tingkatan Peralihan, Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 di sekolah menengah. Walau bagaimanapun murid Pra Sekolah hingga Tahun 3 digalakkan menyertai program ini berdasarkan kemampuan sekolah (SPI Bil.16/2010 bertarikh 1/12/2010 Rujuk LAMPIRAN 1).
- 5.2 Murid boleh menyertai lebih dari satu sukan mengikut kemampuan dan sukan yang ditawarkan oleh sekolah atau yang dijalankan oleh pihak lain dengan pengetahuan dan persetujuan pihak sekolah.
- 5.3 Asas kepada 1M 1S adalah pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan yang berkualiti di sekolah. Segala sumber untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani hendaklah diguna sama bagi program 1M 1S.
- 5.4 Aspek yang diutamakan adalah penyertaan aktif oleh semua murid dalam aktiviti sukan.
- 5.5 Penyertaan dalam sukan adalah asas kepada perkembangan intelek, rohani, jasmani dan emosi murid.



- 5.6 Ibu bapa dan agensi luar / rakan sukan adalah digalakkan untuk menyumbang kepada pembangunan sukan sekolah.
- 5.7 Setiap sekolah yang sudah pun mempunyai prasarana, kemudahan dan peralatan sukan hendaklah mengoptimumkan penggunaannya bagi meningkatkan lagi penyertaan aktif setiap murid.
- 5.8 Pihak sekolah hendaklah sentiasa mengutamakan keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti sukan di sekolah dan di luar sekolah. Segala prosedur dan langkah-langkah keselamatan hendaklah dipatuhi bagi mengelakkan sebarang kemalangan.



6.0 OBJEKTIF

Dasar 1M 1S menggariskan objektif jangka panjang dan jangka pendek seperti berikut:

- 6.1 Meningkatkan kecergasan jasmani;
- 6.2 Membentuk sahsiah, jati diri, disiplin dan nilai murni;
- 6.3 Memupuk perpaduan di antara kaum;
- 6.4 Membentuk budaya sukan di kalangan murid;
- 6.5 Memenuhi naluri semulajadi murid agar aktif dari segi fizikal;
- 6.6 Memberi keseimbangan antara keperluan akademik dengan keperluan fizikal; dan
- 6.7 Mewujudkan landasan ke arah kecemerlangan sukan.



7.0 TAFSIRAN OPERASIONAL

Dalam melaksanakan Dasar 1M 1S, tafsiran istilah-istilah adalah seperti berikut:

“murid” ertinya seseorang dari peringkat Pra Sekolah hingga ke Tingkatan 6, yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesuatu institusi pendidikan;

“murid berkeperluan khas” ertinya mana-mana murid yang mempunyai masalah pembelajaran, masalah pendengaran, masalah penglihatan dan masalah kurang upaya fizikal;

“sukan” ditafsirkan sebagai aktiviti fizikal terancang, berunsur kemahiran dan pertandingan yang melibatkan komitmen serta semangat kesukanan. Sukan pada amnya adalah berdasarkan peraturan-peraturan tertentu;



“guru penasihat sukan” ertinya mana-mana guru yang dilantik atau ditugaskan oleh pihak sekolah untuk mengurus dan mengendalikan aktiviti kelab sukan dan permainan;

“jurulatih sukan sekolah” ertinya mana-mana orang berpengalaman, minat dan memiliki sijil kejurulatihan dalam sukan spesifik yang dilantik atau dibenar oleh pihak sekolah atau pihak yang berkaitan untuk melatih dan menyediakan pasukan sukan sekolah.



8.0 PELAKSANAAN DASAR 1M 1S MELALUI PROGRAM SUKAN DI SEKOLAH

Program sukan sekolah sepanjang tahun merangkumi sukan untuk semua dan sukan untuk kecemerlangan. Senarai sukan / permainan yang dicadangkan untuk pelaksanaan Dasar 1M 1S adalah seperti di LAMPIRAN 2. Aktiviti sukan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) Program Sukan Umum - sepanjang tahun
 - ◆ Latihan Rumah Sukan*
 - Merentas desa
 - Sukan / permainan
 - Balapan dan padang
 - ◆ Pertandingan Merentas Desa*
 - ◆ Sukantara*
 - ◆ Kejohanan Balapan dan Padang
- b) Kelab Sukan dan Permainan* - sepanjang tahun
 - ◆ 90 minit seminggu untuk Sekolah Menengah
 - ◆ 60 minit seminggu untuk Sekolah Rendah
 - ◆ Latihan pelbagai permainan dan *Modified Games*
- c) Pertandingan Dalaman - sepanjang tahun
 - ◆ Pertandingan antara rumah sukan
 - ◆ Pertandingan antara tingkatan / kelas
 - ◆ Pertandingan antara dorm di asrama
- d) Pertandingan Lain
 - ◆ Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD)
 - ◆ Majlis Sukan Sekolah Negeri (MSSN)
 - ◆ Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
 - ◆ Pertandingan Peringkat Antarabangsa
- e) Aktiviti Sukan Lain

*Wajib untuk setiap murid



8.1 PENGURUSAN PELAKSANAAN

Proses pelaksanaan aktiviti sukan terbahagi kepada 6 peringkat asas iaitu:

8.1.1 PERANCANGAN

Perancangan dalam konteks 1M 1S hendaklah dibuat pada tahun sebelum dengan merujuk kepada mengenalpasti, merangka, membina, menyusun, menjadualkan serta menghasilkan aktiviti-aktiviti sukan yang berkaitan dengan program sukan di sekolah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Fasa Perancangan

FASA	AKTIVITI	BULAN													
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		
PERANCANGAN	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah * untuk merancang pengurusan: <ul style="list-style-type: none"> • Program Sukan Sekolah • Penubuhan Rumah Sukan • Penubuhan Kelab Sukan & Permainan 														

* Dilaksanakan pada tahun sebelumnya

8.1.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan program sukan sekolah dibawah Dasar 1M 1S hendaklah dijalankan sepanjang tahun seperti cadangan dalam Jadual 2. Walau bagaimanapun, pihak sekolah digalakkan untuk merancang pelaksanaan program sukan mengikut kesediaan, kemampuan serta kreativiti dan inovasi pihak sekolah.

Jadual 2 : Fasa Pelaksanaan

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
PELAKSANAAN	• Pendaftaran Rumah Sukan													
	• Pendaftaran Murid di bawah Kelab Sukan / Permainan													
	• Latihan & Pertandingan Rumah Sukan													
	• Aktiviti Kelolaan Kelab Sukan / Permainan													
	• Latihan Merentas Desa													
	• Pertandingan Merentas Desa (Sekolah Menengah) & "School Run" (Sekolah Rendah)													
	• Latihan Balapan & Padang													
	• Sukantara													
	• Kejohanan Balapan & Padang													
	• Pertandingan Peringkat Dalam (antara kelab / dorm / kelas)													
	• Aktiviti Sukan Lain													
	• Majlis Anugerah Sukan Sekolah													
	• Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah													



8.1.3 PEMANTAUAN

Pemantauan terhadap pengurusan pelaksanaan Dasar 1M 1S oleh pihak pengurusan sekolah adalah sebahagian daripada strategi untuk menilai dan memastikan kejayaan serta keberkesanan aktiviti sukan yang dilaksanakan. Hal ini bertujuan meneliti aspek pengurusan, penggunaan peralatan, pematuhan peraturan, kesihatan, kebajikan serta keselamatan dan penyertaan murid yang mengikuti program sukan sekolah. Proses pemantauan hendaklah dijalankan oleh pihak pengurusan sekolah sepanjang tahun. Langkah penambahbaikan hendaklah dijalankan oleh pihak sekolah dari masa ke semasa untuk memastikan pelaksanaan Dasar 1M 1S.

Jadual 3 : Fasa Pemantauan

FASA	AKTIVITI	BULAN														
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS			
PEMANTAUAN	• Sepanjang Pelaksanaan Dasar 1M 1S															

8.1.4 PENILAIAN

Penilaian aktiviti sukan bertujuan menghasilkan maklumbalas secara langsung yang menjadi input kepada usaha penambahbaikan aktiviti yang dijalankan serta bagi peningkatan penglibatan dan pencapaian murid. Penilaian hendaklah berasaskan kehadiran dan penyertaan secara aktif setiap murid dalam aktiviti di bawah Program Sukan Sekolah. Selain daripada penglibatan dalam aktiviti umum yang melibatkan semua murid, tumpuan hendaklah diberi kepada kehadiran dan penyertaan murid dalam aktiviti Kelab Sukan / Permainan. Penilaian aktiviti sukan akan dijalankan secara berperingkat mulai 2012.

Jadual 4 : Fasa Penilaian

FASA	AKTIVITI	BULAN														
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS			
PENILAIAN	• Bagi Semua Aktiviti Sukan															

8.1.5 *POST MORTEM* / PENAMBAHBAIKAN

Penekanan yang perlu dititikberatkan secara berterusan ialah sukan yang dilaksanakan, kaedah pelaksanaan, dan impak aktiviti yang dijalankan seperti yang tertera dalam Jadual 2 : Fasa Pelaksanaan.

8.1.6 LAPORAN / DOKUMENTASI

Laporan dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan proses dan penilaian pelaksanaan Dasar 1M 1S adalah penting dan perlu direkodkan. Pendokumentasian tersebut menjadi bukti pelaksanaan dan bahan rujukan kepada usaha penambahbaikan dan tindakan susulan.





Jadual 5 : Fasa Laporan / Dokumentasi

FASA	AKTIVITI	BULAN												
		JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
LAPORAN / DOKUMENTASI	• <i>Post Mortem</i> Keseluruhan program sukan sekolah													
	• Laporan Keseluruhan program sukan sekolah													

8.2 STRATEGI PELAKSANAAN

Di bawah Dasar 1M 1S, pihak sekolah boleh menggunakan beberapa strategi berikut bergantung kepada kemudahan dan prasarana yang sedia ada di sekolah (rujuk SPI Bilangan 1/1989).

Dalam melaksanakan Dasar 1M 1S, setiap sekolah **disarankan** mengikut strategi-strategi berikut:

- i) Melaksanakan tinjauan untuk mengenal pasti minat murid dalam jenis sukan tertentu.
- ii) Melaksanakan tinjauan untuk mengenal pasti minat dan kemahiran guru dalam jenis sukan.
- iii) Mengetahui semua sukan dan permainan yang hendak ditawarkan samada dalam atau luar sekolah di bawah Kelab Sukan dan Permainan.
- iv) Membuat tinjauan terhadap kemudahan sukan di dalam dan luar sekolah yang boleh dimanfaatkan oleh murid.
- v) Menyediakan takwim tahunan program sukan sekolah.
- vi) Merancang dan melaksanakan aktiviti berdasarkan Modul Latihan Sukan Untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah (Modul boleh dimuat turun daripada laman web KPM).
- vii) Mengguna pakai sumber kepakaran / kepegawaian yang terdapat di dalam dan di luar sekolah.
- viii) Menyediakan prasarana, kemudahan asas dan peralatan untuk menjalankan aktiviti di bawah program sukan sekolah atau memilih lokasi di luar sekolah yang sesuai dan selamat.
- ix) Penjadualan aktiviti program sukan sekolah mengikut masa yang bersesuaian berdasarkan latar belakang dan kemudahan sekolah.
- x) Melibatkan masyarakat, pihak swasta atau agensi luar dalam melaksanakan program sukan sekolah.
- xi) Menggalakkan kreativiti dan inovasi dari pihak sekolah dalam kegiatan sukan yang dijalankan.
- xii) Menetapkan matlamat dan objektif keseluruhan program pembangunan sukan sekolah.



- xiii) Menyusun dan menetapkan aktiviti di bawah program sukan sekolah secara jelas dan spesifik.
- xiv) Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada murid dan guru.
- xv) Melakukan penambahbaikan berterusan.



9.0 HURAIAN CARTA CADANGAN TANGGUNGJAWAB BAGI PIHAK PENGURUSAN / GURU DALAM PELAKSANAAN SUKAN DI SEKOLAH

PIHAK BERTANGGUNGJAWAB

BIDANG / TUGAS



Semua SPI dan Surat Siaran yang tersenarai di LAMPIRAN 1 hendaklah dirujuk dan dipatuhi dalam perancangan dan pelaksanaan program sukan sekolah.





JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUKAN SEKOLAH PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

Penaung : Pengarah Pelajaran Negeri
Penasihat : Pejabat Pelajaran Daerah
Pengerusi : Guru Besar
Ahli Jawatankuasa :

1. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Fizikal Sukan Sekolah
Pengerusi : Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
2. Jawatankuasa Kecil Penggalakan Sukan
Pengerusi : Penolong Kanan Kokurikulum
3. Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia
Pengerusi : Penolong Kanan Pentadbiran
4. Jawatankuasa Kecil Pemantauan dan Penilaian
Pengerusi : Setiausaha Sukan Sekolah
5. Jawatankuasa Kecil Peningkatan Profesionalisme
Pengerusi : Ketua Panitia Bahasa
6. Jawatankuasa Kecil Kewangan
Pengerusi : PIBG
7. Jawatankuasa Kecil Teknikal
Pengerusi : PIBG



JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUKAN SEKOLAH PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

Penaung : Pengarah Pelajaran Negeri
Penasihat : Pejabat Pelajaran Daerah
Pengerusi : Pengetua
Ahli Jawatankuasa :

1. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Fizikal Sukan Sekolah
Pengerusi : Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
2. Jawatankuasa Kecil Penggalakan Sukan
Pengerusi : Penolong Kanan Kokurikulum
3. Jawatankuasa Kecil Sumber Manusia
Pengerusi : Penolong Kanan Pentadbiran
4. Jawatankuasa Kecil Pemantauan dan Penilaian
Pengerusi : Ketua Bidang Teknik dan Vokasional
5. Jawatankuasa Kecil Peningkatan Profesionalisme
Pengerusi : Ketua Bidang Bahasa
6. Jawatankuasa Kecil Kewangan
Pengerusi : PIBG
7. Jawatankuasa Kecil Teknikal
Pengerusi : PIBG



10.0 KESELAMATAN MENJALANKAN AKTIVITI SUKAN DI SEKOLAH

Keselamatan murid hendaklah diberi **keutamaan** setiap kali program sukan dikendalikan oleh pihak sekolah. Di antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut;

10.1 OBJEKTIF

- 10.1.1 Memastikan setiap guru dan pihak pengurusan sekolah mengambil langkah-langkah keselamatan setiap kali aktiviti sukan dijalankan di dalam dan di luar sekolah.
- 10.1.2 Mengelakkan dari berlakunya kemalangan semasa menjalankan aktiviti sukan.
- 10.1.3 Memastikan aktiviti sukan yang dirancang dengan mengambil kira panduan dan arahan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Kementerian Pelajaran.
- 10.1.4 Memastikan pelajar mematuhi garis panduan dalam penggunaan dan pengurusan peralatan sukan.

10.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GPK KOKURIKULUM

- 10.2.1 Memberi kesedaran dan kefahaman kepada pelajar tentang pentingnya keselamatan diri semasa menjalankan aktiviti sukan melalui tindakan seperti berikut;
 - ◆ Poster
 - ◆ Perhimpunan mingguan
 - ◆ Ceramah
 - ◆ Bengkel
 - ◆ Tayangan video
 - ◆ Edaran dalaman
- 10.2.2 Menerima aduan pelajar dan mengambil tindakan susulan.
- 10.2.3 Merekodkan semua aduan bagi sebarang insiden.
- 10.2.4 Memaklumkan pelaksanaan aktiviti sukan dan permainan kepada ibu bapa dan pihak berkenaan.
- 10.2.5 Memanfaatkan sepenuhnya peranan Jawatankuasa Pemuafakatan, Jawatankuasa Keselamatan dan pihak PIBG dalam merancang langkah keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti sukan dan permainan.
- 10.2.6 Mengadakan peraturan yang jelas tentang keselamatan murid dalam aktiviti sukan dan permainan.



10.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB GURU PENASIHAT SUKAN

- 10.3.1 Peka terhadap surat pekeliling yang diedarkan serta memahami dan mengetahui isi kandungannya.
- 10.3.2 Memahami dan mematuhi tata cara tindakan sebelum, semasa dan selepas aktiviti sukan dijalankan.
- 10.3.3 Memeriksa sebarang peralatan yang akan digunakan sebelum dan selepas aktiviti dijalankan.
- 10.3.4 Memastikan peralatan yang digunakan dalam keadaan selamat dan boleh digunapakai.
- 10.3.5 Menyimpan dan menyelenggara stok peralatan sukan dengan sempurna dan kemas kini.
- 10.3.6 Mengenal pasti pelajar yang tidak sihat dan mempunyai surat pengesahan perubatan, yang perlu dikecualikan daripada menjalani aktiviti sukan. Walaubagaimanapun murid berkenaan adalah digalakkan melibatkan diri dalam aspek pengelolaan aktiviti yang akan dijalankan.
- 10.3.7 Memaklumkan kepada ibu bapa / penjaga tentang aktiviti yang dijalankan melalui murid.
- 10.3.8 Mengedarkan borang kebenaran ibu bapa / penjaga (jika berkenaan) untuk dilengkapkan dan dikumpulkan semula sebelum aktiviti dijalankan.
- 10.3.9 Hadir di tempat aktiviti sekurang-kurangnya 10 minit sebelum aktiviti dimulakan dan mengawasi murid sepanjang masa.
- 10.3.10 Memastikan kehadiran murid dicatat, direkod dan didokumenkan.
- 10.3.11 Memastikan aktiviti yang dilakukan mengikut kesesuaian dan kemampuan murid khususnya murid berkeperluan khas.
- 10.3.12 Membuat penilaian secara pemerhatian, bertulis dan lisan untuk tindakan susulan dan maklum balas.
- 10.3.13 Memakai kasut dan pakaian yang sesuai (mengikut peraturan) semasa aktiviti sukan dijalankan.



10.4 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MURID SEMASA KEGITAN SUKAN

- 10.4.1 Sebelum menjalankan aktiviti, murid hendaklah melaporkan tahap kesihatan seperti masalah jantung, asma, lelah dan lain-lain penyakit dari masa ke semasa kepada guru penasihat sukan yang berkenaan.
- 10.4.2 Murid hendaklah memakai pakaian dan kasut yang sesuai sewaktu menjalani aktiviti sukan.
- 10.4.3 Murid hendaklah melaporkan tahap kesihatan sekiranya berlaku ketidakselesaan sewaktu menjalani aktiviti sukan.
- 10.4.4 Murid tidak dibenarkan melakukan sebarang aktiviti sukan tanpa pengawasan guru.
- 10.4.5 Murid mesti mengikut arahan guru semasa melakukan aktiviti sukan atau permainan.
- 10.4.6 Murid hendaklah melaporkan segala kerosakan alatan kepada guru yang bertugas.
- 10.4.7 Murid hendaklah melaporkan sebarang kemalangan kepada guru penasihat yang bertugas.



II.0 CADANGAN KAEDAH PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN

Dalam merangka strategi pelaksanaan Dasar 1M 1S, lima kategori sekolah telah dikenal pasti:

- Sekolah Satu Sesi
- Sekolah Dua Sesi
- Sekolah Kurang Kemudahan Asas Sukan
- Sekolah Ramai Murid
- Sekolah Kurang Murid

Berdasarkan kelima-lima kategori ini, beberapa kaedah telah dicadangkan untuk dilaksanakan (rujuk Jadual 6). Sekolah-sekolah diberi fleksibiliti untuk memilih, menentukan atau mengubah suai kaedah pelaksanaan mengikut kesesuaian, kemampuan dan keperluan sekolah. Sekolah juga boleh merancang kaedah lain sekiranya difikirkan sesuai (Sila rujuk LAMPIRAN 3 untuk beberapa contoh Pelaksanaan Dasar 1M 1S Tahun 2011 di sekolah).



Jadual 6 : Cadangan Kaedah Pelaksanaan Dasar 1M 1S

BIL	KAEDAH PELAKSANAAN	KATEGORI				
		Sekolah Satu Sesi	Sekolah Dua Sesi	Sekolah Kurang Kemudahan Asas Sukan	Sekolah Ramai Murid	Sekolah Kurang Murid
1.	Dilaksanakan pada waktu petang di luar jadual waktu akademik dengan minimum 60 minit untuk sekolah rendah dan 90 minit bagi sekolah menengah.	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Dilaksanakan pada waktu pagi di luar jadual waktu akademik dengan minimum 60 minit untuk sekolah rendah dan 90 minit bagi sekolah menengah.		✓	✓	✓	
3.	Berkongsi kemudahan sukan di luar sekolah seperti padang sekolah lain, padang Majlis Daerah, agensi swasta dan lain-lain.	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Digalakkan memilih jenis sukan yang tidak memerlukan ruang yang luas. Contoh: <i>Modified games</i>		✓	✓	✓	
5.	Merangka jadual program sukan berdasarkan: • Bilangan murid • Bilangan guru • Kemudahan dan prasarana sukan yang sedia ada di sekolah dan persekitaran. • Kerjasama dengan pihak luar	✓	✓	✓	✓	✓
6.	Mewujudkan permuafakatan dan pengkongsian pintar dengan Persatuan dan Agensi Sukan.	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Dilaksanakan pada hari Sabtu bagi kumpulan murid dan guru secara bergilir.		✓	✓	✓	



LAMPIRAN 1

SURAT PEKELILING IKHTISAS (SPI) DAN SURAT SIARAN BERKAITAN SUKAN DAN KOKURIKULUM, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

BIL	TARIKH	TAJUK
SPI Bil.16/2010	1/12/2010	Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M 1S)
SPI Bil.8/2009	17/11/2009	Langkah - Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti / Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan.
SPI Bil.4/2008	09/07/2008	Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)
SPI Bil.5/2007	06/06/2007	Garis Panduan Lawatan Murid
SPI Bil.3/2006	03/02/2006	Pelaksanaan Skim Biasiswa Sukan (SBS) Kementerian Pelajaran Malaysia
SPI Bil.5/2002	01/08/2002	Lawatan Sekolah Pada Hari Persekolahan
SPI Bil.9/2000	30/03/2000	Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum & Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah
SPI Bil.12/2000	28/07/2000	Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan
SPI Bil.13/2000	03/08/2000	Pendaftaran Kegiatan Seni Bela Diri Di Sekolah - sekolah
SPI Bil.8/1999	10/06/1999	Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi & Balik Sekolah
SPI Bil.25/1998	18/11/1998	Pelaksanaan Mata Pelajaran Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan
SPI Bil.1/1995	06/04/1995	Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum & Sukan Di Dalam & Di Luar Kawasan Sekolah
SPI Bil.8/1995	11/10/1995	Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
SPI Bil.4/1992	10/02/1992	Panduan Penubuhan & Pengurusan Persatuan Silat Sekolah
SPI Bil.1/1989	03/01/1989	Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Sukan Di sekolah
SPI Bil.2/1988	13/01/1988	Pendidikan Jasmani (Pindaan)
SPI Bil.7/1988	10/03/1988	Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan Atau Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
SPI Bil.10/1988	10/03/1988	Senaman Beramai - Ramai
SPI Bil.3/1979	02/05/1979	Pendidikan Jasmani
Surat Siaran KP/KPPM 15(49)	26/7/2010	Kebenaran Khas Kepada Guru-guru & Murid - Murid yang melaksanakan mata pelajaran Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK) memakai Pakaian Rasmi sukan Sepanjang Hari Berkenaan
Surat Siaran KP.BSSK.302-02/03/002(17)	14/1/2010	Jadual Pelaksanaan Sukan & Permainan Sekolah Sepanjang Tahun
Surat Siaran KP.BSSK.302 - 02/03/002(13)	27/8/2009	Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Sukan Sekolah Peringkat Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah



LAMPIRAN 2

CADANGAN JENIS-JENIS SUKAN DAN PERMAINAN

Di antara sukan dan permainan yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah adalah seperti berikut:-

1. Balapan dan Padang (Olahraga)
2. *Big Walk*
3. Bola Sepak
4. Bola Jaring
5. Bola Keranjang
6. Badminton
7. Bola Tampar
8. Besbol
9. Boling Padang
10. Boling 10-Pin
11. Ekuestrian
12. Futsal
13. *Golf*
14. Gimnastik Artistik
15. Gimrama
16. Hoki
17. Kriket
18. Kriket Kancil
19. Karate
20. Lumba Basikal
21. *Merentas Desa / Road-Run*
22. *Marathon*
23. Memanah
24. Menembak
25. Ping Pong
26. Polo Air
27. Polo Kuda
28. *Pentanque*
29. Ragbi
30. Ragbi Sentuh
31. Renang
32. Skuasy
33. Sepak Takraw
34. Sofbol
35. Silat
36. Tenis
37. Taekwondo
38. Tinju
39. Terjun
40. Wushu
41. *Wood Ball*
42. Sukan lain yang sesuai & *Modified Games*



LAMPIRAN 3

CONTOH 1:

JADUAL PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN TAHUN 2011

SK SERI SATU, KUALA LUMPUR

BILANGAN MURID : 500 ORANG (TAHUN 4,5 & 6)

BILANGAN GURU TERLIBAT : 24 ORANG

Aktiviti Kelab Sukan dan Permainan: Minggu 1 dan minggu 3 setiap bulan

HARI	MASA	KELAB SUKAN / PERMAINAN	BIL MURID	GURU YANG TERLIBAT
Isnin	2.00-4.00 ptg	1. Bola Sepak	125 orang	1. KA 2. NA 3. SN
		2. Bola Jaring		1. S 2. MA 3. AZ
Selasa	2.00-4.00 ptg	1. Badminton	125 orang	1. NM 2. SM 3. NL
		2. Sepak Takraw		1. YU 2. NS 3. KD
Rabu	2.00-4.00 ptg	1. Hoki	125 orang	1. SA 2. NL 3. NF
		2. Olahraga		1. NH 2. SH 3. NB
Khamis	2.00-4.00 ptg	1. Bola Baling	125 orang	1. KS 2. SR 3. HW
		2. Bola Tampar		1. NJ 2. AR 3. MF



SK SERI SATU, KUALA LUMPUR

TARIKH AKTIVITI KELAB SUKAN & PERMAINAN

HARI : ISNIN, SELASA, RABU & KHAMIS

MASA : 2.00 – 4.00 PETANG

BULAN	MINGGU DAN TARIKH				JUMLAH HARI KEHADIRAN BAGI SEORANG MURID
	M1	M2	M3	M4	
Januari	-	-	-	-	-
Februari	2	7,8,9,10	14,15,16,17	21,22,23,24	4
Mac	1,2,3	7,8,9,10	Cuti Pertengahan Penggala	21,22,23,24	3
April	4,5,6,7	11,12,13,14	18,19,20,21	25,26,27,28	4
Mei	2,3,4,5	9,10,11,12	16,17,18,19	23,24,25,26	4
Jun	Cuti Pertengahan Tahun	13,14,15,16	20,21,22,23	27,28,29,30 -	3
Julai	4,5,6,7	11,12,13,14	18,19,20,21	25,26,27,28	4
Ogos	1,2,3,4	8,9,10,11	15,16,18	22,23,24,25	4
September	5,6,7,8	12,13,14,15	19,20,21,22	26,27,28,29	4
Oktober	3,4,5,6	10,11,12,13	17,18,19,20	24,25,27	4

CONTOH 2:

JADUAL PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN TAHUN 2011

SJKT JALAN DUA, IPOH, PERAK

BILANGAN MURID : 120 ORANG (TAHUN 3,4,5 & 6)

BILANGAN GURU TERLIBAT : 13 ORANG

HARI	MASA	KELAB SUKAN / PERMAINAN	BIL MURID / TAHUN	GURU YANG TERLIBAT
Isnin	2.00-3.00 ptg	1. Bola Sepak	60 orang / Tahun 3 & 4	1. SK
		2. Bola Jaring		1. TH (K) 2. VN
Selasa	2.00-3.00 ptg	1. Hoki	60 orang / Tahun 3 & 4	1. PS
		2. Bola Tampar		1. MN
Rabu	2.00-4.00 ptg	Hari Kokurikulum & 1. Olahraga	120 orang / Tahun 3, 4, 5 & 6	1. JY (K)
Khamis	2.00-3.00 ptg	1. Hoki	60 orang / Tahun 5 & 6	1. PS
		2. Bola Tampar		1. MN
Jumaat	2.00-3.00 ptg	1. Bola Sepak	60 orang / Tahun 5 & 6	1. SK
		2. Bola Jaring		1. TN (K) 2. VN



SJKT JALAN DUA, IPOH, PERAK

TARIKH AKTIVITI KELAB SUKAN & PERMAINAN

HARI : ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS & JUMAAT

MASA : 2.00 – 4.00 PETANG

BULAN	MINGGU DAN TARIKH				JUMLAH HARI KEHADIRAN BAGI SEORANG MURID
	M1	M2	M3	M4	
Januari	-	-	-	-	-
Februari	2	7-11	14-18	21-25	4
Mac	28-3	7-11	Cuti Pertengahan Penggala	21-30	3
April	4-8	11-15	18-22	25-29	4
Mei	2-6	9-13	16-20	23-27	4
Jun	Cuti Pertengahan Tahun	13-17	20-24	27-30	3
Julai	4-8	11-15	18-22	25-29	4
Ogos	1-5	8-12	15-19	22-26	4
September	5-9	12-15	19-23	26-30	4
Oktober	3-7	10-14	17-21	24-28	4

CONTOH 3:

JADUAL PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN TAHUN 2011

SMK SERI TIGA, JOHOR BHARU

BILANGAN MURID : 1032 ORANG (TAHUN 3,4,5 & 6)

BILANGAN GURU TERLIBAT : 75 ORANG

HARI	PERMAINAN	TEMPAT	MASA PELAKSANAAN DAN PELAJAR YANG TERLIBAT
Isnin	Hoki	Padang Sekolah	Pelajar Sesi Pagi : Tingkatan 3,4 dan 5 2.00 ptg – 3.30 ptg Pelajar Sesi Petang : Tingkatan Peralihan, 1 dan 2 10.30 pagi – 12.00 tgh
	Olahraga	Padang Sekolah	
Selasa	Sepak Takraw	Kompleks Sukan Majlis Daerah	
	Bola Tampar	Kompleks Sukan Majlis Daerah	
	Bola Baling	Padang Sekolah	
Rabu	Badan Beruniform / Kelab Dan Persatuan		
Khamis	Bola Sepak	Kompleks Sukan Majlis Daerah	
	Bola Jaring	Kompleks Sukan Majlis Daerah	
	Ping Pong	Kompleks Sukan Majlis Daerah	
Jumaat	Badminton	Kompleks Sukan Majlis Daerah	



SMK SERI TIGA

TARIKH AKTIVITI KELAB SUKAN & PERMAINAN

HARI : ISNIN, SELASA, RABU, KHAMIS & JUMAAT

MASA : PAGI : 10.30 – 12.00 PG

PETANG : 2.00 – 3.30 PTG

BULAN	MINGGU DAN TARIKH				JUMLAH HARI KEHADIRAN BAGI SEORANG MURID
	M1	M2	M3	M4	
Januari	-	-	-	-	-
Februari	2	7-11	14-18	21-25	4
Mac	28-3	7-11	Cuti Pertengahan Penggalaan	21-30	3
April	4-8	11-15	18-22	25-29	4
Mei	2-6	9-13	16-20	23-27	4
Jun	Cuti Pertengahan Tahun	13-17	20-24	27-30	3
Julai	4-8	11-15	18-22	25-29	4
Ogos	1-5	8-12	15-19	22-26	4
September	5-9	12-15	19-23	26-30	4
Oktober	3-7	10-14	17-21	24-28	4



CONTOH 4:

JADUAL PELAKSANAAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN TAHUN 2011

SMK SERI EMPAT, KUANTAN, PAHANG

BILANGAN MURID Sesi pagi : 600 ORANG (Tingkatan 3,4,5 & 6)

BILANGAN MURID Sesi petang : 300 ORANG (Peralihan, Tingkatan 1 & 2)

BILANGAN GURU TERLIBAT : 83 ORANG

HARI	MASA	SUKAN/PERMAINAN	BIL MURID	GURU YANG TERLIBAT
Selasa	* 9.00-10.30 pagi	1. Bola Sepak	34 orang	1. FO 2. AH 3. FJ 4. SLL 5. SS
	**2.00-3.30 ptg		86 orang	
	9.00-10.30 pagi	2. Ping Pong	33 orang	1. OHL 2. NBT 3. LCH 4. AJ
	2.00-3.30 ptg		85 orang	
	9.00-10.30 pagi	3. Bola Keranjang	34 orang	1. GYL 2. EWT 3. ESP 4. TYS
	2.00-3.30 ptg		86 orang	
	9.00-10.30 pagi	4. Bola Tampar	34 orang	1. KN 2. NA 3. UZH 4. WH 5. NB
	2.00-3.30 ptg		86 orang	
Khamis	9.00-10.30 pagi	5. Hoki (<i>indoor</i>)	33 orang	1. RGS 2. RMG 3. PLR 4. NA 5. MA
	2.00-3.30 ptg		85 orang	
	9.00-10.30 pagi	6. Sepak Takraw	33 orang	1. MRS 2. NS 3. MFMS 4. AI
	2.00-3.30 ptg		86 orang	
	9.00-10.30 pagi	7. Badminton	33 orang	1. LA 2. RM 3. AD 4. DMF
	2.00-3.30 ptg		86 orang	
	9.00-10.30 pagi	8. Bola Baling	33 orang	1. RI 2. MKG 3. NSH
	9.00-10.30 pagi		33 orang	
	9.00-10.30 pagi	9. Bola Jaring (perempuan)	33 orang	1. WMWD 2. FAU

* Untuk murid sesi petang

** Untuk murid sesi pagi



SMK SERI EMPAT, KUANTAN, PAHANG

TARIKH AKTIVITI KELAB SUKAN & PERMAINAN

HARI : SELASA DAN KHAMIS


MASA : PAGI : 9.00 – 10.30 PG

PETANG : 2.00 – 3.30 PTG

BULAN	MINGGU DAN TARIKH				JUMLAH HARI KEHADIRAN BAGI SEORANG MURID
	M1	M2	M3	M4	
Januari	-	-	-	-	-
Februari	1 & 3	8 & 10	15 & 17	22 & 24	4
Mac	1 & 3	8 & 10	22 & 24	29 & 31	4
April	5 & 7	12 & 14	19 & 21	26 & 28	4
Mei	3 & 5	10 & 12	17 & 19	24 & 26	4
Jun	-	21 & 23	28 & 30	-	2
Julai	5 & 7	12 & 14	19 & 21	26 & 28	4
Ogos	2 & 4	16 & 18	23 & 25	-	3
September	6 & 8	13 & 15	20 & 22	27 & 29	4
Oktober	4 & 6	11 & 13	-	-	2

LAMPIRAN 4

RANGKA KONSEPTUAL PELAKSANAAN SUKAN DAN PERLUASAN DASAR 1M 1S KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA



BAHAGIAN SUKAN (November, 2010)

*TD - Talent Detection
 **TID - Talent Identification and Development



HURAIAN RANGKA KONSEPTUAL PELAKSANAAN SUKAN DAN PERLUASAN DASAR SATU MURID SATU SUKAN (1M 1S)

1. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) mengutarakan bahawa untuk melahirkan murid yang seimbang, perkembangan aspek jasmani adalah sama penting dari segi perkembangan dalam aspek emosi, rohani dan intelek. Fokus model konseptual ini adalah berteraskan pembangunan jasmani murid.
2. Hasrat bagi pembangunan jasmani murid adalah diterjemahkan melalui Dasar 1 Murid 1 Sukan. Dasar ini berhasrat untuk memastikan agar setiap murid dapat melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu sukan. Penglibatan ini memberi peluang kepada murid menguasai aspek kemahiran dan pengetahuan dalam sukan melalui pendekatan yang berasaskan *learning through play*. Dasar ini juga merupakan tunjang kepada sukan di sekolah dalam merealisasikan pelaksanaan Sukan untuk Semua dan Sukan untuk Kecemerlangan di sekolah. Murid-murid yang aktif dan berpotensi dalam sukan boleh mengembangkan bakat melalui sukan untuk kecemerlangan setelah dikenalpasti melalui program pengenalpastian bakat murid-*Talent detection* dan *Talent Identification and Development* (TID). Kedua-duanya, iaitu cabang Sukan Untuk Semua dan Sukan Untuk Kecemerlangan merupakan inisiatif yang menyokong ke arah pembangunan modal insan yang sihat dan cergas sebagai matlamat jangka panjang.
3. Hasil Sukan untuk Semua akan dapat dicerminkan melalui pembudayaan sukan dan aktiviti fizikal seumur hidup dalam kalangan masyarakat. Manakala Sukan untuk Kecemerlangan akan berfokus kepada melahirkan jaguh sukan ke arah menaikkan imej negara melalui kecemerlangan dan kegemilangan dalam prestasi pencapaian sukan di pelbagai peringkat persada dunia.
4. Atlet-atlet yang menyerlah dalam program sukan di sekolah boleh diletakkan di Pusat Latihan Daerah (PLD) atau Sekolah Sukan Negeri (SSN). Pada dasarnya mereka yang cemerlang di sekolah harian atau PLD ataupun SSN boleh seterusnya ditempatkan di Sekolah Sukan Malaysia dibawah pengawasan Jurulatih yang bertaraf dunia. Di Sekolah Sukan Malaysia, atlet murid akan didedahkan kepada latihan yang lebih berstruktur, sistematik dan saintifik bagi melahirkan atlet yang dapat meningkatkan prestasi pencapaian ke aras yang lebih tinggi.
5. Kejayaan sukan melalui satu sistem amat bergantung kepada pembangunan sukan secara holistik dengan kerjasama pelbagai pihak. Pelantar pembangunan sukan pada dasarnya adalah sistem sekolah di Malaysia. Hampir setiap murid akan melalui sistem pendidikan kebangsaan yang merupakan *catchment area* bagi mengenalpasti bakat murid atlet.



Namun begitu sistem pendidikan kebangsaan sahaja tidak mampu untuk melahirkan atlet murid, jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti, Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri serta Badan-Badan Kerajaan dan bukan kerajaan yang lain adalah amat penting.

6. Asas kepada kemajuan sukan bermula dari penguasaan kemahiran asas sukan dan permainan melalui proses pengajaran dan pembelajaran semasa pelaksanaan matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di sekolah. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) yang berkualiti akan menjamin standard pembelajaran kemahiran yang terpuji oleh murid sekolah. Adalah menjadi hasrat agar apa yang dipelajari di sekolah semasa matapelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan boleh dipindahkan ke dalam kegiatan sukan dan permainan di peringkat Kelab dan Rumah Sukan. Kualiti matapelajaran PJK pada peringkat paling asas dianggap baik sekiranya guru adalah terlatih dalam PJK, peralatan sukan adalah mencukupi untuk mengoptimumkan pengajaran dan pembelajaran serta terdapat kemudahan minima yang lengkap dan kurikulum yang relevan dengan perkembangan masa.
7. Alat ukur bagi pencapaian dalam sukan / permainan / kecergasan boleh ditentukan melalui pertandingan-pertandingan sukan dan bateri ujian di pelbagai peringkat. Alat ukur ini juga memainkan peranan sebagai saringan satu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi. Murid sekolah yang terpilih akan bertanding dalam sukan di peringkat MSSD, MSSN, MSSM dan kejohanan antarabangsa.
8. Bagi menyokong kejayaan perluasan Satu Murid Satu Sukan, Bahagian Sukan akan menggunakan 5 Teras utama di bawah Perancangan Strategik Bahagian Sukan 2011-2015 iaitu;
 - 8.1 **Membudayakan sukan di sekolah** yang memberi fokus kepada sukan untuk semua murid dan sukan untuk kecemerlangan.
 - 8.2 **Pembangunan sumber manusia** yang memberi fokus kepada pembangunan profesionalisme berterusan di kalangan guru.
 - 8.3 **Memperkasakan sistem pentadbiran** yang memberi fokus kepada sistem tadbir urus.
 - 8.4 **Meningkatkan penyelidikan pembangunan sukan** yang memberi fokus kepada penyelidikan kepada pembangunan sukan.
 - 8.5 **Membangunkan prasarana, kemudahan dan peralatan sukan** yang memberi fokus kepada peralatan asas sukan sekolah, prasarana, kemudahan dan peralatan sukan, pengurusan dan penyelenggaraan.



9. Matlamat jangka panjang dalam perluasan Satu Murid Satu Sukan adalah untuk melahirkan murid yang sihat dan aktif ke arah pembentukan satu masyarakat yang sihat, cergas dan berdaya saing tinggi. Pendekatan ini akan mencapai matlamat strategik Kementerian Pelajaran Malaysia dalam melahirkan modal insan yang sihat dan cergas dan bukan sahaja berkualiti dari segi nilai-hidup tetapi kompetitif, kreatif dan inovatif.



PENCHARGAAN

Penghasilan Buku Panduan Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan ini telah melibatkan pelbagai pihak. Bahagian Sukan ingin merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam memberikan sumbangan, mahupun secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan buku ini untuk kegunaan dan panduan pihak sekolah. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ini ditujukan kepada semua yang terlibat.

Bahagian Sukan

Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 1 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

 : 603 8884 1002

 : 603 8884 1034

 : sekretariat1M1S@moe.gov.my

WWW : www.moe.gov.my/bsukan



ISBN 978-963-3444-32-8



9 789833 444328